



## **Tak perlu cari salah, fokus bela nasib rakyat**

Izwan Rozlin

07 Disember 2022 11:44pm

SHAH ALAM – Parti politik di negara ini tidak perlu mencari salah antara satu sama lain sebaliknya perlu fokus membela nasib rakyat.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Wilayah Persekutuan, Mahathir Mohd Rais berkata, sama ada yang menang atau kalah, mereka perlu berhenti menuding jari mencari kelemahan mana-mana pihak.

Menurutnya, dendam politik hanya akan membinasakan dan menyebabkan perpaduan yang baharu hendak dibentuk akan musnah.

“Saya berpandangan bahawa apa sahaja parti politik sekalipun sama ada yang menguasai kerajaan ataupun tidak perlu bersama -sama mencambah idea membantu menghasilkan dasar yang membela nasib rakyat,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mahathir berkata, ketika kempen Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), janji menerusi manifesto diwujudkan oleh semua parti politik untuk meyakinkan pengundi mereka adalah pilihan terbaik.

“Sekarang adalah waktu untuk masing-masing mengotakan janji itu demi menghargai pengundi yang menyokong dan memilih kita sebagai wadah perjuangan agar masalah dan rintihan mereka didengari dan dibantu,” katanya.

Tambahnya, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Bajet 2023 disemak semula oleh kerajaan, ia sebenarnya menimbulkan kekusaran dalam kalangan rakyat.

“Rakyat sebenarnya tidak perlu diseksa lagi dengan pemanjangan perbincangan Bajet 2023,” jelasnya

Dalam pada itu Mahathir berkata, kerajaan harus merangka semula sistem pendidikan semasa kepada sistem yang lebih baharu dan efisien bagi memastikan mutu pendidikan negara pada tahap terbaik.

“Sebenarnya mereka (pelajar) perlukan sokongan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, dari sekolah berasrama penuh hinggalah ke peringkat universiti,” ujarinya.